

Kes ganja: Pertuduhan terhadap Yasin kekal

Didakwa mengikut Seksyen 6B (1) Akta Dadah Berbahaya 1952

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
PETALING JAYA

Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu diberitahu bahawa pertuduhan menanam 17 pokok ganja membabitkan penyanyi nasyid dan komposer, Muhammad Yasin Sulaiman kekal mengikut Seksyen 6B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Ketika prosiding sebutan kes di hadapan Hakim Jamaludin Mat, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Asnawi Abu Hanipah mengesahkan bahawa pihak pendakwaan telah menerima laporan kimia, pada petang Selasa.

“Jadi untuk kes ini, pertuduhan adalah kekal dan pihak kami mohon agar mahkamah dapat menetapkan tarikh sebutan kes bagi serahan dokumen kepada pihak pembelaan,” katanya.

Mendengar perkara itu, peguam, Ariff Azami Hussien yang mewakili penyanyi *Mimpi Laila* itu tidak membantah permohonan tersebut.

“Terima kasih kepada mahkamah dan pihak pendakwaan kerana laporan kimia siap dalam masa singkat.

“Mohon agar mahkamah dapat menetapkan tarikh yang lebih singkat, dua minggu, jika memadai,” katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, hakim Jamaludin menetapkan 6 Julai ini untuk sebutan semula kes itu.

Pada 31 Mac lalu, Yasin menga-



Muhammad Yassin hadir di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya pada Rabu.

ku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas tuduhan menanam 17 pokok disyaki kanabis (ganja) di Persiaran Surian Damansara Indah Resort Home, Kota Damansara pada 24 Mac lalu.

Selain Ariff Azami, Yasin turut diwakili oleh peguam, Mohd Yusmadi Mohd Yusoff dan Azizul Syariman Mat Yusoff.

Ketika sidang media, Mohd Yusmadi berkata, anak guamnya memerlukan rawatan pakar untuk penyakit bipolar dihidapinya di hospital mempunyai rekod kesihatan Yasin terdahulu.

“Saya difahamkan Yasin sudah dibawa sekali ke Hospital Sungai Buloh tetapi lebih baik jika Yasin dapatkan rawatan pakar di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) dan Hospital Pantai Kuala Lumpur yang menyimpan rekod itu.

“Dalam hal ini juga, pihak penjara memahami keadaan Yasin dan mem-

“

Jadi untuk kes ini, pertuduhan adalah kekal dan pihak kami mohon agar mahkamah dapat menetapkan tarikh sebutan kes bagi serahan dokumen kepada pihak pembelaan.”

bekalkan ubat kepadanya,” kata beliau.

Sementara itu, Yasin mengucapkan takziah kepada ahli keluarga, Allahyarham Adibah Noor dan bekas anggota kumpulan nasyid, NowSeeHeart, Allahyarham Muzahid Abd Wahab di atas pemergian kedua-dua selebriti berkenaan, baru-baru ini.